

248 ps

PERTUKARAN KOD DAN PERCAMPURAN KOD

SEBAGAI SATU STRATEGI KOMUNIKASI ORANG-ORANG MELAYU YANG

DWIBAHASA

KERTAS LATIHAN ILMIAH

BAGI MEMENUHI

KEPERLUAN IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

BAHAGIAN BAHASA MALAYSIA

OLEH

NOR AINI BT. ISMAIL

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

MAC 1985

...Buat Ingatan Bagi Yang!

PRAKATA

Saya berasa bangga dan berterimakasih di atas bimbingan dan tunjukajar yang telah diberikan oleh penyelia Latihan Ilmiah saya, Profesor Dr. Abdullah Hassan untuk menghasilkan Latihan Ilmiah saya yang kerdil ini.

Di samping itu saya tidak lupa juga mengucapkan terima kasih kepada En.Teoh Boon Seong yang telah membantu saya pada peringkat permulaan menyediakannya.

Begitu juga rasa terima kasih saya tujukan kepada semua informan yang telah sudi mengambil bahagian di dalam kajian ini. Tanpa mereka sudah pastilah ia tidak akan berhasil.

Akhirnya, saya sangat-sangat hargai semua bantuan yang saya terima daripada kawan-kawan dan keluarga saya.

Nor Aini Ismail
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia.

Mac, 1985.

SINOPSIS

Bab 1 memberi gambaran tentang masyarakat dan bahasa yang berbagai-bagai di Malaysia. Ia juga menguraikan tentang kedudukan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan kepentingan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Beberapa definisi dan penjelasan mengenai istilah-istilah yang berkaitan juga diberikan di dalam bab ini. Kemudian, ia membincangkan pengaruh-pengaruh asing terhadap perkembangan Bahasa Malaysia sejak Zaman Hindu hinggalah sekarang. Di samping itu Bahasa Malaysia memanglah perlu meminjam kata-kata asing, khususnya Bahasa Inggeris. Akhirnya ia mengandungi rasional, tujuan, skop dan had kajian.

Bab 2 pula bermula dengan serba sedikit tentang sosiologi bahasa, diikuti dengan penulisan dan kajian yang berkaitan dengan tajuk. Ini bertujuan untuk memberi panduan dan pemahaman penulis terhadap kajiannya. Ini termasuklah kajian-kajian tentang sociolinguistik, khususnya pertukaran dan percampuran kod di negara-negara seperti India, Mexico dan Thai.

Bab 3 menerangkan bagaimana kajian ini dijalankan. Bab ini bermula dengan cara mengumpul data, kaedahnya,

pembinaan soal-selidik dan informan-informannya. Ia juga menerangkan mengenai variabel-variabel linguistik dan sosiolinguistik yang akan digunakan di dalam Bab 4 iaitu bab menganalisis kajian.

Bab 4 merupakan bab yang paling penting kerana ia mengandungi kajian dan hasil atau keputusan kajian yang telah didapati oleh penulis. Ia juga membincangkan dan merumuskan soal-selidik yang telah diisikan oleh informan-informan. Ini termasuklah latar belakang informan serta penggunaan bahasanya sama ada Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Bercampur ataupun bahasa-bahasa lain dengan keluarga, kawan, pensyarah dan majikan, mengikut situasi-situasinya. Kemudian diikuti dengan analisis sosiolinguistik dan linguistik dengan menggunakan perbualan-perbualan yang telah dirakamkan.

Bab 5 ialah bab yang akhir dan ia merumuskan hasil kajian dan penulis memberi pandangan tentang bahasa bercampur yang telah digunakan oleh informan iaitu yang terdiri dari kumpulan pelajar dan bukan pelajar. Penulis juga membuat cadangan bagi bidang-bidang tertentu yang boleh dijalankan oleh pengkaji-pengkaji pada hari muka.